

09 JUL 1999

YAYASAN GERAK BAKTI KINI BOLEH BERFUNGSI SEMULA

ALOR GAJAH, 10 Julai (Bernama) -- Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein berikrar akan menyempurnakan amanah yang diberikan kepada Yayasan Gerak Bakti (YGB) untuk membantu golongan miskin.

Katanya YGB kini boleh berfungsi dengan rasmi berikutan pelantikan anggota lembaga pemegang amanahnya yang baru.

"Insya-Allah YGB dapat berjalan dan bergerak atas landasan yang benar," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat pilihan raya Badan Perhubungan UMNO Johor di sini malam tadi.

Mesyuarat agung yayasan itu kelmarin telah melantik Hishammuddin sebagai Pengerusi dengan empat anggota lembaga yang baru -- Zulkifli Alwi, Mokhzani Mahathir, Datuk Fatah Iskandar dan Abdul Aziz Sheikh Fadzil.

Anggota Exco pergerakan itu, Hasni Mohamad dilantik sebagai Ketua Eksekutif YGB manakala Syed Hood Syed Edros dan Nazri Saad masing-masing dilantik sebagai Pengurus dan Setiausaha yayasan itu.

Mesyuarat itu juga memutuskan untuk menggugurkan bekas Penolong Setiausaha pergerakan Pemuda Umno Saifuddin Nasution Ismail sebagai anggota lembaga pemegang amanah YGB.

-- BERNAMA

NO NMO